

PM: Zaman rakyat minta segalanya sudah berakhir

UM 18 JUN 1982

JITRA, 17 Jun — Zaman rakyat meminta segala-galanya dari kerajaan sudah berakhir sekarang, lebih-lebih lagi dalam masa negara sedang menghadapi kesan buruk kemelesetan ekonomi dunia, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan hari ini.

Perdana Menteri menarik perhatian: Masanya sudah tiba bagi rakyat mengusahakan sendiri sebahagian dari keperluan mereka.

“Kerajaan sedia membantu, tetapi ia tidak boleh menyediakan segala-galanya. Mana yang kita boleh buat sendiri, buatlah sendiri kerana rakyat juga mempunyai tanggungjawab”

katanya.

Berucap di perjumpaan dengan rakyat di pekan Tanah Merah, di sini, hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: Kerajaan terpaksa mengurangkan perbelanjaan supaya ia tidak berhutang terlalu banyak dalam keadaan sempit sekarang.

Perdana Menteri mahu rakyat supaya berhati-hati dalam perbelanjaan mereka untuk membantu mempercepatkan pemulihan kemelesetan ekonomi.

Beliau juga mengulangi azamnya menjadikan rakyat Malaysia satu bangsa yang kuat dan dihormati dan bukan lagi bangsa yang hanya tahu meminta serta terpaksa pula bergantung pada orang lain.

Untuk mencapai hasrat tersebut, tegasnya, rakyat dari segenap lapisan dan asal keturunan hendaklah menyahut seruan kerajaan dengan mengubah sikap dari suka meminta kepada berusaha sendiri sambil bekerja keras.

Katanya, beliau tidak mahu lagi rakyat negara ini dicemuh kerana mereka satu bangsa yang miskin, tidak berkemampuan dan seringkali bergantung pada orang lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian kepada peristiwa pencekungan Israel terhadap Lebanon di mana bangsa yang kuat dapat bertindak sewenang-wenangnya ke atas bangsa yang lemah.

Perdana Menteri juga menegaskan sekali lagi bahawa langkah kerajaan berjimat tidak bermakna kerajaan akan membatalkan terus rancangan pembangunan.

Katanya, kerajaan terpaksa menanggukkan sebilangan daripada rancangan-rancangan yang tidak begitu mendesak bagi membolehkan

projek-projek yang lebih perlu dilaksanakan dahulu.

Beliau menambah, sedang kerajaan bertindak mengawal kesan kemelesetan, rakyat pula hendaklah mengambil sikap yang lebih rajin dengan mempelbagaikan usaha mendapatkan pendapatan tambahan.

“Mencari pendapatan yang lebih bukanlah semata-mata untuk menikmati hidup yang lebih selesa, tetapi supaya kita dihormati oleh orang lain kerana kebolehan dan kemampuan kita.

“Kita mesti buktikan bahawa orang-orang Islam adalah rajin, berkemampuan dan tidak perlu bergantung pada orang lain”, katanya.